

Jadi pemerhati tak bantu majukan Melayu

BH - 2/7/2007

KUALA LUMPUR: Ahli Umno perlu bertindak sebagai peneraju dan penggerak utama kepada pembangunan serta kesejahteraan bangsa Melayu pada masa akan datang, bukannya menjadi pemerhati terhadap perubahan kemajuan yang sedang dinikmati negara.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata mereka yang mewakili parti memperjuangkan bangsa Melayu yang ditubuhkan 60 tahun lalu, sepatutnya semakin matang menentukan hala tuju dan kedudukan bangsa sendiri.

Beliau yang juga Menteri Luar berkata, ahli Umno mempunyai tang-

gungjawab besar sebagai penentu kepada sejarah bangsa, seterusnya memberi kedudukan lebih bermakna kepada kaum Melayu.

"Apa makna mengaku sebagai anak jati atau anak watan tetapi hanya menjadi pemerhati bukannya peserta terhadap segala kemajuan yang sedang berlaku dan pembangunan di masa akan datang.

"Ahli Umno hendaklah memastikan kedudukan bangsa Melayu semakin mantap dan parti ini terus menjadi teras kepada kepemimpinan kerajaan," katanya berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Wanita Umno Bahagian Ke-

pong, di sini semalam.

Hadir sama, Ketua Wanita Umno bahagian itu yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan Ketua Umno bahagian, Senator Datuk Rizuan Abdul Hamid.

Selain itu, katanya, perpaduan negara menerusi kepemimpinan Umno dan parti komponen Barisan Nasional (BN) sejak negara merdeka, juga menunjukkan masyarakat majmuk di negara ini amat memahami kontrak sosial.

"Sehubungan itu, semua pihak termasuk dari luar negara jangan mempersoal dan membangkitkan isu itu

kerana kontrak sosial sudah sebatikan dalam diri setiap rakyat di negara ini," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kota Tinggi berkata, tidak mustahil Barisan Nasional (BN) merampas kembali kerusi Parlimen Kepong daripada parti pembangkang pada pilihan raya akan datang, jika semua parti komponen BN meningkatkan kerjasama dan bantu membantu.

"Saya difahamkan bahawa Umno bahagian Kepong termasuk Wanita, Pemuda dan Puterinya sudah membuat persiapan awal menghadapi pilihan raya umum yang boleh diadakan pada bila-bila sama," katanya.